

TARIKH	6 / 5 / 2013	SEKSYEN	Sisipan
MUKA SURAT	L-18	RUANGAN	

Guru, murid kongsi maklumat

» Seminar Peperiksaan anjuran Kelab TaHa tambah ilmu pembelajaran, pengajaran

Oleh Rosdi Ismail

rosdi@mediaprima.com.my

Limbang

Seminar Peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) anjuran Kelab TaHa, Tabung Haji turut memberi peluang kepada guru Tahun Enam untuk mempraktikkan format menjawab soalan yang betul dan tepat.

Beberapa guru pengiring yang ditemui pada seminar itu, berkata maklumat itu penting bagi mereka terutama yang mengajar di pedalaman Sarawak bagi membantu meningkatkan kemahiran murid menjawab soalan sebelum menduduki UPSR nanti.

"Guru-guru pengiring yang datang juga dapat berkongsi maklumat yang didedahkan guru pakar *BH Didik* pada seminar ini secara tidak langsung menambah ilmu pembelajaran dan pengajaran murid di dalam kelas," kata mereka.

Bimbingan jawab soalan

Seramai 270 ahli Kelab TaHa dari lapan sekolah di sekitar Limbang menyertai seminar tajaan Tabung Haji dengan kerjasama Unit Pendidikan, BH di Sekolah Menengah (SMK) Kubong, Limbang, Sarawak, Sabtu lalu.

Guru pengiring dari Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Pahlawan, Limbang, Rosita Rosli, berkata selain murid mendapat bimbingan cara menjawab soalan daripada guru pakar, guru yang hadir juga dapat menimba maklumat terkini cara yang betul memilih jawapan.

"Penerangan yang diberikan jelas dan mudah difahami oleh murid serta menjadikan seminar

ini seronok diikuti walaupun masa yang ada terhad," katanya.

Bagi guru dari SK Limbang, Dayang Normah Doming, berkata sepatutnya pihak swasta lain mencontohi Tabung Haji untuk menganjurkan seminar seperti itu di kawasan pedalaman.

Menurutnya, langkah itu dapat membantu bukan sahaja murid yang akan menduduki peperiksaan malah guru bagi meningkatkan kemahiran mengajar di dalam kelas kerana di kawasan pedalaman maklumat pelajaran sukar diperoleh.

Pengalaman berguna

Guru pengiring SK Melayu Pusat, Limbang, Mohd Faizal Aris, berkata dia bersama-sama guru dari sekolah lain dapat berbincang dan memperaktikkan lagi penerangan yang diberi guru pakar.

"Pengalaman ini amat berguna untuk kami meningkatkan kepakaran atau melakukan penambahbaikan apabila mengajar murid di dalam kelas agar mereka berjaya merangkul 5A dalam UPSR," katanya.

Pegawai Pemasaran Tabung Haji Limbang, Abdul Khalik Jadi, berkata, seminar itu bukan sahaja mendapat sambutan daripada murid Tahun Enam, malah ramai guru sekolah terbabit turut berminat mengikutinya.

"Kami berasa kagum dengan semangat yang ditunjukkan guru terbabit dalam menimba ilmu pembelajaran dan pengajaran demi kebaikan murid supaya cemerlang dalam pelajaran," katanya.

BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	15 / 2013	SEKSYEN	Sisipan
MUKA SURAT	L-F8	RUANGAN	



Dayang Normah (empat dari kanan) dan Rosita Rosli (empat dari kiri) bersama-sama murid melihat modul kertas kerja dan sijil Seminar Peperiksaan UPSR yang diadakan di SMK Kubong, Limbang, Sarawak.



Abdul Khalik (depan kiri) bersama guru dan ahli Kelab TaHa yang mengikuti Seminar Peperiksaan UPSR di SMK Kubong, Limbang, Sarawak, baru-baru ini.